

**Kraftangan Malaysia Sasar Jualan RM3.3 Juta Sempena Promosi Aidilfitri  
Bernama  
2 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Kraftangan Malaysia mensasarkan untuk menjana hasil jualan bernilai kira-kira RM3.3 juta daripada Promosi Kraf Aidilfitri 2012 yang bermula semalam hingga 12 Ogos.

Pengerusi Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Datuk Sohaimi Shahadan berkata program itu telah dimulakan sejak 2003 yang antara lain bertujuan mempromosi produk kraf bertemakan Aidilfitri daripada pengusaha kraftangan yang berdaftar dengan Kraftangan Malaysia di seluruh negara.

"Tahun lalu sebanyak RM1.6 juta hasil jualan direkodkan dengan 166 usahawan kraftangan mengambil bahagian. Bagi tahun ini kami meletakkan sasaran hasil jualan RM3.3 juta dengan 144 usahawan dan ditambah beberapa tarikan baru seperti pertandingan dan demonstrasi menghasilkan juadah Aidilfitri," katanya pada sidang akhbar Promosi Kraf Aidilfitri 2012 kali kelapan di sini.

Sohaimi berkata selain promosi yang diadakan di Kompleks Kraftangan di sini, Kraftangan Malaysia juga turut menganjurkan jualan Promosi Kraf Aidilfitri di beberapa kompleks beli belah utama seperti One Utama, Pavilion, Fahrenheit, Tropicana dan Jusco Aeon 2 Seremban.

Dibuka bermula 10 pagi hingga 10 malam di Kompleks Kraf Kuala Lumpur, Jalan Conlay dan bazar Ramadhan turut dibuka di tapak letak kereta kompleks itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685266>





